

# Meta biadab, hina rakyat Palestin

Anwar sifatkan diskriminasi pemilik platform media sosial terhadap situasi di Gaza

Oleh Iskandar Ibrahim dan Suzalina Halid

bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan tindakan Meta Platforms Inc (Meta) menurunkan ucapan takziah dan kritikan atas pembunuhan pemimpin Hamas, Ismail Haniyeh, daripada platform media sosial milik konglomerat itu sebagai tindakan biadab serta menghina perjuangan rakyat Palestin.

Perdana Menteri menyifatkan tindakan itu sebagai tidak masuk akal apabila menganggap hantaran untuk menghormati seorang pejuang yang berusaha memerdekakan tanah air sendiri daripada kezaliman, sebagai berbahaya.

"Meta sekali lagi bertindak biadab dan menghina perjuangan rakyat Palestin apabila menurunkan hantaran video serta ucapan takziah dan kritikan terhadap pembunuhan Almarhum Ismail Haniyeh.

"Tidak masuk akal apabila hantaran menghormati seorang pejuang yang berusaha memerdekakan tanah airnya daripada kezaliman dan penderitaan, dianggap berbahaya.

"Peringatan tegas saya terhadap Meta - usah jadi bacul dan perkakas rejim zalim Zionis Israel!" katanya dalam hantaran melalui Facebook, semalam.

Kelmarin, Bahagian Media & Komunikasi Strategik, Pejabat Perdana Menteri (PMO), mengemukakan tindakan Meta menurunkan hantaran gambar dalam Instagram yang memaparkan perjumpaan Anwar dengan pemimpin Hamas itu di Doha, Qatar, Mei lalu.

Dalam satu kenyataannya, bahagian terbabit memaklumkan bahawa tindakan Meta itu jelas memperlihatkan diskriminasi pemilik platform media sosial itu terhadap situasi di Palestin dan pemimpin negara berkenaan.

Berdasarkan tangkap layar yang dikongsikan bersama kenyataan itu, Meta dilihat bertindak menurunkan perkongsian

"Tidak masuk akal apabila hantaran menghormati seorang pejuang yang berusaha memerdekakan tanah airnya daripada kezaliman dan penderitaan, dianggap berbahaya"

Anwar Ibrahim,  
Perdana Menteri



pertemuan berkenaan, kelmarin.

Haniyeh syahid dalam serangan udara ke atas kediamannya di Tehran, Iran, awal pagi kelmarin, ketika berada di negara itu untuk menghadiri majlis angkat sumpah Presiden baharunya, Masoud Pezeshkian, Selasa lalu.

Pengawal Revolusi Iran menyatakan Haniyeh terkorban bersama seorang pengawalnya dalam serangan itu, manakala Hamas dalam satu kenyataan pula memaklumkan bahawa kumpulan pejuang terbabit berkabung atas kematian pemimpin berkenaan yang dikatakan terbunuh dalam 'serangan khianat Zionis ke atas kediamannya di Tehran.'

## Meta diminta beri penjelasan

Dalam perkembangan berkaitan, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil, berkata pihaknya sudah meminta penjelasan daripada Meta berhubung tindakan menurunkan ucapan takziah dan kritikan Perdana Menteri ke atas pembunuhan Ismail Haniyeh.

Beliau berkata, pihaknya meminta Meta menjelaskan mengapa hanya hantaran kandungan yang dimuat naik di akaun rasmi Facebook dan Instagram Perdana Menteri itu yang disasarkan mereka.

"Pada waktu ini ada beberapa kemungkinan sama ada ia diturunkan Meta secara automatik, ataupun disebabkan aduan diterima daripada orang ramai," katanya pada sidang media pasca mesyuarat Jemaah Menteri, semalam.

Fahmi yang juga Jurucakap Kerajaan Perpaduan, berkata selain itu, pihaknya dimaklumkan bahawa kandungan sama yang dimuat naik BERNAMA Radio turut diturunkan.

Beliau berkata, sehubungan itu, pihaknya meminta mana-mana media lain yang mengalami kejadian sama supaya memaklumkan perkara terbabit kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bagi usaha mengembalikan semula hantaran berkenaan.